

COCO·SCIENCE™

NUTRITION



COCO·SCIENCE™
NUTRITION

Premium ANH-VCO
(100% Absolute No Heat Process)
Produced from freshly harvested mature traditional coconut without added chemical, enzyme & bacteria using ANH Physical Cold Extraction Technology

Minyak Kelapa Dara Tulen
(Process Tanpa Haba Langsung)
Dihasilkan daripada buah kelapa matang tradisional yang segar tanpa penggunaan kimia, enzim & bakteria dengan Teknologi Pengekstrakan Sejuk Fizikal ANH

Maklumat Pemakanan Nutrition Facts	100ml	100g
Tenaga/Energy in Kcal	827	900
Karbohidrat/Carbohydrate	0g	0g
Protin/Protein	0g	0g
Kolesterol/Cholesterol	0g	0g
Asid Lemak Tepu/ Saturated Fat	86.5g	94g
Asid Lemak MonoTakTepu/ Monounsaturated Fatty Acid	4.6g	5g
Asid Lemak PoliTakTepu/ Polyunsaturated Fatty Acid	0.9g	1g
Asid Lemak Trans/ Trans Fatty Acid	0g	0g

Dihasilkan oleh:
COCOSCIENCE BIOTECH, MALAYSIA
001717411-03
www.cocoscience.com



Net e250ml

COCOSCIENCE Premium ANH-VCO adalah Minyak Kelapa Dara ANH semulajadi yang diproses secara Tanpa Haba Langsung dengan Teknologi Pengekstrakan Sejuk Fizikal revolusioner. Ianya juga di proses tanpa bahan tambahan, kimia, enzim atau bakteria. Produk ini adalah makanan harian lengkap yang membawa pelbagai manfaat kesihatan. Ia boleh dimakan secara mentah tanpa was-was.

Kehebatan Minyak Kelapa Dara



Dipetik dari : MINGGUAN MALAYSIA
Ahad 1 Ogos 2004, (Ruangan Kesihatan) ms. 28.

SUNGGUHPUN kita telah disajikan dengan fakta bahawa minyak kelapa berbahaya untuk kesihatan selama hampir 30 tahun, kita tidak pula diberitahu bahawa kajian tentang kesan sebenar kelapa telah dimulakan lebih 70 tahun dahulu.

Bermula dari awal tahun 1930, Dr. Weston A. Price, seorang penyelidik, pakar pemakanan yang juga merupakan seorang doktor gigi dari Cleveland, Ohio mendapati penduduk di Kepulauan Pasifik mempunyai tahap kesihatan fizikal dan gigi yang menakjubkan. Dipercayai ia disebabkan corak pemakanan harian berasaskan kelapa. Mereka juga mempunyai rambut serta kulit yang cantik walaupun banyak terdedah kepada sinaran ultraviolet matahari.

Pada awal tahun 1960-an, Dr. Ian A. Prior, seorang pakar jantung yang juga merupakan pengarah Pusat Penyelidikan Wabak Penyakit di Hospital Wellington, New Zealand telah melakukan penyelidikan di dua buah pulau iaitu Puka Puka dan Tokelau di Lautan Pasifik Selatan.

Dr. Ian merumuskan, penduduk setempat banyak memakan kelapa sebagai diet harian. Hasilnya, paras kolesterol rendah, kesihatan fizikal amat baik dan tiada penyakit kronik seperti jantung atau kanser.

Pada tahun 1966, suatu penemuan besar telah dirumuskan oleh Profesor Dr. Jon J. Kabara, seorang penyelidik dan pakar farmakologi di Universiti Michigan . Beliau mendapati, minyak kelapa dara yang terdapat dalam santan kelapa sebenarnya sejenis antivirus, bakteria, kulat dan parasit semula jadi yang kuat.

Maka terjawablah kemusykilan Dr. Weston A. Price dan Dr. Ian A. Prior selama ini, mengapa penduduk di Kepulauan Pasifik begitu sihat.

Penemuan besar oleh Dr. Jon J. Kabara ini sebenarnya berupaya merubah senario industri kesihatan dunia.

Dalam tahun 1980-an, Dr. Raymond Peat, seorang profesor fisiologi dari Universiti Oregon melaporkan, minyak kelapa dara dalam hampas kelapa berupaya menurunkan berat badan.

Fakta ini menyangkal pandangan yang mengatakan minyak kelapa menambah berat badan. Pada tahun 1990-an, Dr. Mary G. Enig, seorang pakar lemak, pemakanan dan seorang ahli biokimia dari Universiti Maryland merumuskan, minyak kelapa dara adalah makanan yang memberi pelbagai khasiat kesihatan.

Perbezaan minyak kelapa dara dengan minyak kelapa biasa:-

Minyak kelapa dara diproses dengan tidak menggunakan sebarang haba atau bahan kimia. Ini menyebabkan struktur dalaman asal minyak kelapa dara terpelihara dan dapat mengekalkan sifat-sifat antivirus dan antibakterianya.

Untuk memproses minyak kelapa biasa secara komersial dan meluas, haba dan kimia digunakan menyebabkan struktur dalaman minyak kelapa biasa terganggu dan berubah. Ini mungkin boleh memudaratkan. Antaranya, meningkatkan kolesterol dan menaikkan berat badan.

Oleh kerana minyak kelapa dara amat rumit untuk dihasilkan, ia hampir tidak wujud di dalam pasaran minyak makan.

Selain itu, kos pengeluarannya juga tinggi dan tidak mampu bersaing dengan pasaran minyak lain. Agak pelik, apabila dinyatakan minyak kelapa secara umum berbahaya untuk kesihatan kerana pohon kelapa hebat dengan pelbagai fungsi - dari pangkal hingga ke hujung. Malangnya apabila pihak luar mempunyai kepentingan global mengatakan minyak kelapa berbahaya untuk kesihatan, kita mengikut telunjuk mereka.

Kita perlu mengetahui empat perkara penting yang menyebabkan minyak kelapa dara lenyap:

Minyak kelapa dara adalah suatu kejadian Allah yang semula jadi. Ia tidak boleh dipaten oleh mana-mana pihak untuk kepentingan perniagaan. Minyak kelapa dara tidak boleh dipaten. Ini menggugat industri kesihatan dan perubatan global yang menyebabkan syarikat farmasi antarabangsa khuatir jualan ubat-ubat moden boleh merosot seandainya manusia beralih kepada sesuatu yang semula jadi.

Faktor minyak kelapa dara tidak boleh dipaten hak penghasilannya adalah sesuatu yang amat merugikan kepada syarikat-syarikat besar itu.

Wujudnya kempen global Persatuan Minyak Soya Amerika pada awal 1970-an terus mematikan daya saing minyak tropika termasuk minyak kelapa. Kempen meluas yang mengatakan minyak kelapa membahayakan kesihatan menjadikan industri kelapa Malaysia terkubur.

Syarikat-syarikat besar farmasi dunia juga mengenakan cengkaman ke atas semua sekolah perubatan di dunia. Mereka memberi sumbangan berbilion ringgit untuk menjalankan penyelidikan yang keputusannya disesuaikan menurut kepentingan perniagaan global mereka.

Oleh kerana banyak kajian perubatan dipengaruhi oleh syarikat farmasi antarabangsa, tidak ada seorang doktor yang akan mengatakan minyak kelapa dara berfungsi untuk kesihatan.

Kini industri kesihatan dunia bergantung kepada perubatan moden yang berasaskan kimia. Ia boleh membawa kesan jangka panjang kepada perubatan alternatif yang banyak berasaskan bahan semula jadi.

Dengan wujudnya kempen kesedaran tentang kesan jangka panjang perubatan moden Barat, minyak kelapa dara sudah pasti akan mendapat tempat di persada industri kesihatan global.

Oleh itu Malaysia perlu mengambil langkah proaktif untuk mempromosi minyak kelapa dara di samping minyak sawit yang sedia terkenal.

MINYAK KELAPA DARA

Seribu Guna Menyimpan Seribu Rahsia

Dipetik dari : Majalah Mingguan Wanita.

Pohon kelapa telah dijadikan tuhan begitu hebat dengan pelbagai fungsi untuk manusia. Setiap bahagian pohon kelapa mempunyai pelbagai kegunaan dari makanan, penjagaan kecantikan hingga kepada perubatan turun temurun. Pohon kelapa telah diiktiraf sebagai suatu pohon yang paling rapat dengan kehidupan manusia seharian.

Sungguhpun demikian, suatu bahagian pohon kelapa seolah olah dipinggirkan kerana dikhuatirkan membawa mudarat kepada kesihatan manusia. Ianya adalah minyak kelapa. Ini menimbulkan kehairanan bagaimana suatu pohon yang tuhan jadikan begitu mesra guna untuk manusia tetapi minyak nya dikatakan membawa kesan negatif pula.

Sebenarnya minyak kelapa yang dara iaitu minyak kelapa dara yang diproses tanpa menggunakan haba atau kimia menyimpan pelbagai khasiat yang tidak diketahui umum. Kajian keatas minyak kelapa dara telah dilakukan oleh pakar pakar negara Barat sejak awal tahun 1930an lagi. Kebanyakan kajian dilakukan keatas penduduk di Kepulauan Pasifik di mana kelapa menjadi sebahagian besar pemakanan harian. Pakar pakar tersebut merumuskan bahawa suatu kandungan yang terdapat dalam kelapa yang dipanggil lemak tepu dapat memberi pelbagai kesan positif keatas kesihatan manusia. Sebab itulah penduduk Kepulauan Pasifik begitu sihat dan mempunyai kadar berat badan dan ketinggian yang begitu baik. Mereka juga didapati tidak mengalami penyakit kronik seperti jantung atau kanser.

Jadi apakah sebenarnya minyak kelapa dara? Minyak kelapa dara adalah minyak kelapa yang diproses tanpa penggunaan haba atau kimia di mana struktur asal dalamannya dapat dikekalkan se asli aslinya. Berbanding dengan minyak kelapa biasa di mana haba dan kimia digunakan sewaktu memproses yang mengakibatkan struktur asal dalamannya berubah membawa kepada kemudaratan apabila manusia memakannya. Selama 40 tahun kempen dan kajian Negara Barat yang menentang penggunaan minyak kelapa secara meluas sebenarnya adalah ditujukan kepada minyak kelapa biasa yang menggunakan haba dan kimia ketika diproses dan bukannya minyak kelapa dara. Minyak kelapa dara sebenarnya amat sukar dicari dipasaran kerana prosesnya yang rumit dan sukar diproses secara komersil dan besar besaran.

Pada tahun 1966, seorang penyelidik yang merupakan professor farmakologi dari Universiti Michigan telah membuat suatu penemuan besar yang mencungkil rahsia alam yang disimpan oleh minyak kelapa dara. Beliau mendapati bahawa minyak kelapa dara berupaya membunuh virus, bakteria, kulat dan parasit. Cuba anda bayangkan betapa besarnya makna penemuan ini kerana dengan bersifat anti virus, bakteria, kulat dan parasit, minyak kelapa dara berupaya melawan atau menyembuh pelbagai penyakit.

Melihatkan kekuatan sifat minyak kelapa dara, pakar pakar barat terus mencari kesan kesan seterusnya yang boleh dilakukan oleh minyak kelapa dara ke atas pelbagai penyakit. Sekiranya berjaya, sudah pasti minyak kelapa dara di anggap sebagai kejadian tuhan yang paling bermakna untuk manusia sejagat. Kajian kajian dekad seterusnya telah mendapati bahawa minyak kelapa dara memberi pelbagai kesan positif seperti berikut:

1. meningkat dan memperbaiki sistem pertahanan badan
2. meningkat kadar metabolisma badan
3. anti virus, bakteria, kulat dan parasit yang semulajadi
4. anti oxida semulajadi

5. meningkat fungsi kelenjar tairoid
6. melindungi kesan sinaran ultra violet dalam cahaya matahari
7. tidak meningkatkan kepekatan atau platelet darah
8. meningkat penghadaman dan penyerapan khasiat makanan
9. berupaya menurunkan berat badan
10. meningkat pertumbuhan sel kulit, rambut dan badan manusia
11. membekal sumber tenaga dengan cepat
12. melembab dan melembutkan kulit
13. mengurangkan kesan penuaan dan kedutan pada kulit
14. mengurangkan kesan keracunan makanan
15. membakar dan mengurangkan kolesterol dalam badan
16. menggalakkan pertumbuhan rambut yang sihat
17. mengurangkan risiko dan kesan penyakit jantung
18. mengurangkan risiko dan kesan darah tinggi
19. mengurangkan risiko dan kesan kencing manis
20. mengurangkan risiko dan kesan demam
21. mengurangkan risiko dan kesan batuk biasa
22. mengurangkan risiko dan kesan batuk kering
23. mengurangkan risiko dan kesan selsema dan resdung
24. mengurangkan risiko dan kesan demam campak dan cacar air
25. mengurangkan risiko dan kesan lelah
26. mengurangkan risiko dan kesan buasir
27. mengurangkan risiko dan kesan sembelit
28. mengurangkan risiko dan kesan hepatitis A, B, C
29. mengurangkan risiko dan kesan ulser perut dan mulut
30. mengurangkan risiko dan kesan sakit gigi dan gusi
31. mengurangkan risiko dan kesan kanser
32. mengurangkan risiko dan kesan leukemia
33. mengurangkan risiko dan kesan psoriasis dan sebarang penyakit kulit
34. mengurangkan risiko dan kesan kelemumur rambut
35. mengurangkan risiko dan kesan denggi dan malaria
36. mengurangkan risiko dan kesan stroke atau angin ahmar
37. mengurangkan risiko dan kesan herpes, syphilis, gonorrhoea
38. mengurangkan risiko dan kesan penyakit Crohn
39. mengurangkan risiko dan kesan chronic fatigue syndrome
40. mengurangkan risiko dan kesan osteoporosis
41. mengurangkan risiko dan kesan penyakit hempedu
42. mengurangkan risiko dan kesan penyakit hati
43. mengurangkan risiko dan kesan pembesaran prostate
44. mengurangkan risiko dan kesan pneumonia atau radang paru paru
45. mengurangkan risiko dan kesan jangkitan mata dan telinga

Sudah tentu kita akan merasa terkejut apabila melihat senarai panjang penyakit yang dapat di elak atau disembuhkan dengan memakan minyak kelapa dara. Ini semua adalah kekuasaan tuhan yang telah dari awal lagi menunjukkan kepada manusia bahawa pohon kelapa kejadiannya amat berfungsi untuk kegunaan harian manusia. Tanpa kajian kajian yang dilakukan oleh pakar pakar negara barat, sudah pasti seribu satu rahsia alam yang tersimpan di dalam minyak kelapa dara tidak akan tercurngkil.

Maka terbuktilah betapa hebatnya kejadian dan hikmah tuhan seperti yang di manifestasikan oleh pohon kelapa. Setiap yang dijadikan tuhan secara semulajadi sudah pasti ada hikmahnya. Janganlah pula kita sebagai insan kerdil menidakkannya.



15th August , 2006

Edisi Selatan: Pulih kebun kelapa

Oleh Mohd Roji Abdullah

MACHAP: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa supaya dihidupkan semula kawasan kebun kelapa yang terbiar di seluruh negara kerana ia mampu memberi pulangan lumayan.

Beliau berkata, petani yang beranggapan bahawa tanaman itu tidak menguntungkan perlu dikikis kerana dengan kaedah bioteknologi, tidak mustahil pelbagai produk dapat dihasilkan dengan minyak kelapa.

“Minyak kelapa sinonim dengan masyarakat negara ini sejak dulu lagi, bagaimanapun penggunaannya semakin berkurangan berikutan timbul anggapan ia punca pelbagai penyakit kronik.

“Tetapi sebenarnya, minyak kelapa itu bernilai tinggi terutama minyak kelapa dara dan kita ada teknologi terkini untuk menghasilkan minyak kelapa sebagai produk kesihatan,” katanya dalam ucapan pada lawatan kerja rasmi ke Pusat Memproses Ayam, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), petang semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Sehubungan itu beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, perlu berusaha untuk menjadikan kelapa antara tanaman utama diproses menjadi pelbagai produk untuk pasaran dalam dan luar negara.

“Baru-baru ini, saya bagi tahu Muhyiddin, hidupkan semula kebun kelapa terbiar di seluruh negara,” katanya.

COCO·SCIENCE™

